

TAHUKAH ANDA?

Apakah Yang Dimaksudkan
Anjing Terbiar?

Ertinya semua jenis anjing yang tidak berlesen atau berlesen yang meraya tanpa tuan atau penyelia di tempat awam dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Semua **anjing terbiar** boleh diambil tindakan mengikut Undang-undang Kecil PBT termasuk tindakan Penangkapan, Kurungan, Tuntutan, Denda, Serah Hak, Pelesenan dan Pelupusan



RISIKO ANJING TERBIAR

- Menimbulkan kacau ganggu terhadap haiwan lain, manusia dan persekitaran.
- Menyebarluaskan penyakit berjangkit yang merebak dari haiwan kepada manusia dan sebaliknya, khasnya penyakit anjing gila (Rabies)
- Boleh menyebabkan kemalangan atau kecederaan kepada penduduk sekiranya ia berlaku agresif atau merosakkan harta benda.

PENYAKIT BAWAAN **ANJING**

RABIES (PENYAKIT ANJING GILA)

- Rabies adalah sejenis penyakit zoonotik yang disebabkan oleh virus Rabies yang boleh menjangkiti semua jenis mamalia. Simptom klinikal adalah sakit kepala, demam, loya, muntah, takut air, perubahan kelakuan, dungu, sawan, lumpuh dan berakhir dengan kematian.
- Rabies berjangkit melalui luka gigitan atau luka cakaran yang tercemar dengan air liur bervirus dari haiwan yang berpenyakit. Tempoh inkubasi dari 3 hingga 8 minggu dan tempoh jangkitan di dalam anjing atau kucing di antara 3 hingga 7 hari sebelum simptom muncul dan berakhir dengan kematian haiwan / manusia terjangkit itu.
- Haiwan terjangkit akan melalui dua tahap tanda klinikal iaitu bermula dengan agresif dan berlanjutan menjadi dungu. Pada tahap agresif haiwan itu akan mengigit semua haiwan, orang dan



APAKAH TINDAKAN ANDA?

- Elak daripada gigitan anjing atau cakaran kucing.
- Elak daripada mengendalikan anjing liar atau terbiar yang sakit atau berkelakuan aneh.
- Laporkan aduan gangguan anjing di kawasan anda kepada Pihak Berkuasa Tempatan Anda.

